

KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM BAHASA DAN APLIKASI BAHASA

(35 markah)

Soalan 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja** dan **dua kata bantu** . Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

Subjek pengucapan awam dapat memudahkan para pelajar untuk mencari pekerjaan suatu hari nanti. Kini, banyak pelajar yang memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang, namun masih gagal mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan status mereka selaku graduan. Hal ini berlaku demikian kerana mereka gagal meyakinkan pengurus sesebuah syarikat untuk memilih mereka selaku pekerja. Di samping itu, subjek ini juga dapat mencungkil bakat dan potensi pelajar untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

(Dipetik dan diubah suai daripada Wujudkan Subjek Pengucapan Awam dalam Sistem Pendidikan Negara oleh Daniel Hakim Hanipi, Dewan Siswa, Bil. 1/2020)

(8 markah)

kata kerja:

bina ayat:

i) _____ :

ii) _____ :

dua kata bantu

i) _____ :

ii) _____ :

Soalan 2: SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **empat ayat** yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek : _____

Predikat : _____

Rumah tangga yang sejahtera terbentuk daripada keprihatinan ibu bapa tentang amalan cara hidup sihat dan cergas. Maklumat penjagaan diri dan pemakanan diperoleh daripada beberapa laman sesawang seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, dan Kelab Nutrisi Malaysia.

Pemakanan yang seimbang amat penting untuk penjagaan kesihatan. Manusia seharusnya mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil tetapi berkhasiat. Pengambilan makanan seimbang dalam diet seharian dapat mengurangkan risiko menghidap beberapa jenis penyakit seperti barah, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, batu karang, obesiti, kolesterol tinggi, dan osteoporosis.

(Dipetik dan diubah suai daripada Pemakanan yang Sihat,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1)

[8 markah]

i) Subjek : _____

Predikat : _____

ii) Subjek : _____

Predikat : _____

iii) Subjek : _____

Predikat : _____

iv) Subjek : _____

Predikat : _____

Soalan 3: PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat **empat kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **enam kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Ada orang menganggap bahawa diet ialah usaha mengurangkan berat badan. Anggapan ini tidak tepat kerana konsep diet yang sebenarnya ialah amalan pemakanan yang seimbang dari segi mengambil zat makanan. Kebanyakan individu mengamalkan cara diet yang tidak betul untuk kurang berat badan, iaitu dengan cara menahan lapar dan mengurangkan pengambilan makanan. Individu yang mengamalkan cara pemakanan yang demikian akan mengalami masalah akibat pengurangan berat badan yang terlalu.

*Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Nutrien'
Buku Teks Bahasa Melayu KBSM Tingkatan Lima,
Halaman 198 KPM)*

[4 markah]

Petikan 2

Karbohidrat dan lemak dalam makanan bekalan tenaga kepada manusia. Zat makanan ini boleh didapati dari makanan seperti ubi kentang, nasi, dan seumpamanya. Protein boleh didapati daripada telur, ikan, susu dan daging. Zat makanan ini penting untuk membesar. Mineral pula mudah diperolehi daripada makanan laut dan vitamin banyak terdapat dalam sayur dan buah. Mineral penting kepada kesihatan kerana zat ini berperanan untuk menjaga kesihatan darah dan membantu tubuh meresap zat makanan lain dengan lebih berkesan. Vitamin pula berperanan untuk menjaga kesihatan mata, kulit dan gusi serta mengekalkan kecerdasan badan.

*Dipetik dan diubahsuai daripada
'Kepentingan Nutrien'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima KBSM,
Halaman 197, KPM)*

[5 markah]

empat kesalahan bahasa

enam kesalahan bahasa